INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*

EDISI PERTAMA 2022

# BULETIN IIM

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY*




YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI, KETUA SETIAUSAHA NEGARA MELANCARKAN **ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH 2022 (AIGA 2022)**

Lihat muka surat 4

# KANDUNGAN




**BICARA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

3 Episod Baharu IIM Bermula

**PROGRAM DAN AKTIVITI IIM / BERITA**

4 Pelancaran Anugerah Integriti, Governans Dan Antirasuah (AIGA 2022) Buka Tirai Kepada Organisasi Di Sektor Awam Dan Swasta

6 Majlis Perhimpunan Bulanan Dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri IIM Eratkan Silaturrahim Warga Kerja

7 IIM Perkukuh Kerjasama Baik Dengan Unit Integriti Dan Ahli Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeiO) Wilayah Utara

8 Bengkel Semakan Penetapan Key Performance Indicator (KPI) Untuk Bahagian Dan Seksyen, Institut Integriti Malaysia (IIM)

Sesi *Train-Of-Trainer* (TOT) Modul Latihan 6.2.4 Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

9 Sesi Sumbangsaran Khas Semakan Hala Tuju Baharu IIM

Sesi Dialog Bersama Presiden Dan Barisan Kepimpinan Tertinggi NGO Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW)

10 Perbincangan Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (RTD CISM)

11 Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP)
- Bengkel *Training Of Trainers* (TOT)
- Program Rintis Modul
- Bengkel Semakan Dan Pemurnian Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP)

13 Taklimat Dan Sesi Dialog Bersama Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Dan Ketua Unit Integriti Seluruh Sarawak

14 Mesyuarat Agung Tahunan Dan Mesyuarat Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM)

15 Semai Sikap Takutkan Tuhan Pulihkan Integriti Anggota PDRM

**PRODUK DAN PERKHIDMATAN IIM**

**SESI KHIDMAT NASIHAT / KONSULTASI PRODUK DAN PERKHIDMATAN OLEH IIM**

**GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT**

## SIDANG REDAKSI

**Penaung dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM**
YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

**Ketua Editor**
Encik Zubayry Abady Sofian

**Editor**
Puan Norsheeda Din
Cik Effa Fazira Azmi

**Jurugambar**
Encik Aryzam Rahim

Diterbitkan setiap suku tahun oleh
**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**
Menara INTEGRITI, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

# EPISOD BAHARU IIM BERMULA

Tahun ini, genap 18 tahun Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan. Sepanjang penubuhannya pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam pemupukan dan penghayatan budaya berintegriti pada setiap lapisan masyarakat Malaysia.

Saya percaya sepanjang tempoh ini juga pelbagai cabaran dan perubahan telah berlaku, selari dengan perubahan dasar dan kepimpinan Negara.

Tanggal 7 Mac 2022, saya telah diamanahkan oleh kepimpinan tertinggi Negara melalui YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara untuk menerajui IIM. Saya menerima amanah besar ini dan akan berusaha bersama-sama warga kerja IIM untuk mengembalikan peranan dan fungsi IIM dalam menggalakkan serta membudayakan amalan integriti dan tadbir urus terbaik dapat diperkasakan ke arah menyokong agenda integriti nasional. Ini selaras dengan objektif penubuhan IIM pada tahun 2004, untuk meneraju penghayatan dan penerapan nilai-nilai murni masyarakat sejagat.

Antara inisiatif baharu yang diperkenalkan adalah Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA). AIGA merupakan satu anugerah yang memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi mereka. Anugerah ini juga dilihat mampu meningkatkan persaingan sihat dalam kalangan sektor awam dan swasta dalam usaha pembudayaan dan pengamalan integriti.

Sehubungan itu, saya amat menggalakkan penyertaan semua organisasi awam dan swasta dari seluruh negara untuk menyertai AIGA 2022.




Akhir kata, saya berharap agar semua pihak sama ada organisasi awam mahupun swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak-pihak lain yang berkepentingan dapat bersama-sama dengan IIM memikul tugas dan tanggungjawab besar dalam mencapai hasrat untuk membina sebuah negara yang rakyatnya berintegriti tinggi dan mengamalkan nilai-nilai murni.

**YBHG. DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI**
Ketua Pegawai Eksekutif

AIGA
ANUGERAH INTEGRITI,GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

# PELANCARAN **ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA 2022)** BUKA TIRAI KEPADA ORGANISASI DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA




Pelancaran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA 2022) telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 17 Mei yang lalu. Secara rasminya, AIGA 2022 telah membuka tirai penyertaan kepada semua organisasi di sektor awam dan swasta.

Penganjuran AIGA tahun ini di peringkat kebangsaan merupakan lanjutan kepada AIGA 2020 yang telah julung kali diadakan pada 26 Oktober 2021 di peringkat negeri Pahang, anjuran IIM bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Yayasan Pahang.

Penyertaan AIGA adalah terbuka kepada semua agensi awam dan swasta samaada Badan Penuh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, Badan Separa Kerajaan atau Badan Swasta.





Kriteria penilaian akan tertumpu kepada keupayaan dan ketersediaan organisasi dalam pelaksanaan sistem pengurusan kawalan dalaman disamping penerimaan dan pemahaman setiap warga kerja organisasi dalam melahirkan warga yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Menurut YBhg. Tan Sri Zuki, AIGA merupakan inisiatif kerajaan melalui IIM untuk membudayakan integriti, tadbir urus terbaik dan antirasuah terutamanya dalam organisasi awam mahupun sektor swasta. Selain itu ianya juga merupakan ruang mencungkil keupayaan, kemampuan, komitmen dan kesungguhan sektor swasta dan awam dalam usaha memperkukuhkan pelaksanaan sistem pengurusan kawalan dalaman dan pencegahan rasuah.

Tahun lepas, daripada 41 penyertaan sebanyak 11 agensi telah diisytihar sebagai Pemenang Anugerah Emas, 14 agensi Pemenang Anugerah Perak dan 8 Agensi Pemenang Anugerah Gangsa. Antara Pemenang Anugerah Emas AIGA 2021 termasuk BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd, FGV Refineries Sdn. Bhd, Jabatan Kerja Raya Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highland. TIADA syarikat atau agensi awam yang berjaya dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Platinum pada tahun lepas dengan skor penilaian 90% dan ke atas.

Majlis penganugerahan AIGA 2022 kepada pemenang akan dilaksanakan pada 5 November 2022, iaitu sempena sambutan Hari Integriti Nasional (HIN). Anugerah AIGA ini merupakan julung-julung kalinya diadakan di peringkat Kebangsaan dan setakat ini, tiada anugerah seumpamanya di Malaysia.

AIGA merupakan salah satu daripada pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) tahun ini dalam usaha memperkasakan peranannya sebagai peneraju utama pembudayaan dan penerapan nilai-nilai integriti dan tadbir urus bagi rakyat Malaysia.

Penyertaan untuk AIGA 2022 sudah dibuka dan maklumat lanjut serta pendaftaran boleh dilakukan sehingga tarikh tamat pada 30 Jun 2022 melalui laman sesawang **www.aiga.my**



# MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI IIM ERATKAN SILATURRAHIM WARGA KERJA

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri IIM pada 30 Mei 2022, bertempat di Auditorium, Menara IIM.



Pada perhimpunan kali ini, beliau telah menyatakan IIM kini berada dalam landasan yang tepat dengan kejayaan penganjuran pelbagai program dan aktiviti terutama di peringkat nasional berkaitan integriti, governans dan antirasuah.



Beliau turut menyampaikan Bantuan Awal Persekolahan serta Bantuan IPT untuk anak-anak warga IIM. Seluruh warga kerja turut membaca Ikrar Integriti Korporat IIM sebagai tanda komitmen untuk melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan integriti.

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan sejurus selepas Perhimpunan Bulanan pula adalah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan IIM (KESKIM). Selain sajian utama, setiap Seksyen turut menyumbang makanan tambahan serta menyertai Pertandingan Gerai Terbaik. Selain itu, pihak KESKIM juga telah menganjurkan pertandingan “Deko-Deko Raya” antara setiap seksyen IIM.







# IIM PERKUKUH KERJASAMA BAIK DENGAN UNIT INTEGRITI DAN AHLI PERSATUAN PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (ACEIO) WILAYAH UTARA

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM), YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi telah mempengerusikan mesyuarat penyelarasan libat urus IIM bersama dengan perwakilan Unit Integriti dan ahli Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACeiO) Wilayah Utara yang terdiri daripada pelbagai agensi di Pulau Pinang dan Kedah. Mesyuarat telah diadakan di Dewan Persidangan Universiti (DPU), Universiti Sains Malaysia (USM).




Seramai 20 orang pegawai unit integriti telah berkongsi beberapa isu, pengalaman dan inisiatif dalam usaha pemerkasaan pembudayaan dan penghayatan nilai integriti kepada pemegang taruh dalam agensi masing-masing. Turut hadir wakil pelajar daripada Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) Universiti Sains Malaysia.

Perbincangan juga memfokuskan kepada cadangan pihak ACeiO supaya gerak kerja lebih strategik dapat dilaksanakan antara IIM dengan ACeiO di peringkat negeri.

Ini termasuk cadangan supaya IIM membangunkan modul latihan Environmental, Social, and Governance (ESG) secara rintis dengan beberapa pihak berkepentingan. Disamping itu juga, IIM komited untuk terus menyokong dan menggalakkan penglibatan mahasiswa di bawah program Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) dalam program-program IIM yang bersesuaian sebagai langkah memberikan pendedahan kepada golongan muda tentang agenda integriti negara.



# BENGKEL SEMAKAN PENETAPAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) UNTUK BAHAGIAN DAN SEKSYEN, INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Bengkel semakan Penetapan Key Performance Indicator (KPI) untuk Bahagian dan Seksyen di Institut Integriti Malaysia (IIM) telah diadakan pada 26 Mei 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 14 di IIM.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memastikan penetapan KPI IIM dapat disediakan. Bengkel selama dua jam ini telah dihadiri oleh semua Ketua Seksyen dan wakil pegawai seksyen masing-masing .



---

# SESI *TRAIN-OF-TRAINER* (TOT) MODUL LATIHAN 6.2.4 PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)

Sesi Train-of-Trainer (TOT) kepada jurulatih (trainer) dilantik mewakili Agensi-agensi Peneraju Bersama bagi Inisiatif 6.2.4 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu berkaitan dengan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi telah selesai dilaksanakan pada 25 April 2022.




Sesi secara dalam talian ini telah disampaikan oleh Encik Raymon Ram dari Transparency International Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modul di bawah inisiatif ini.

Seramai 25 orang jurulatih yang mewakili Agensi-agensi Peneraju Bersama seperti SPRM, SSM, MICG, ICDM dan Pejabat-pejabat SUK Negeri dari Johor, Kelantan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang turut serta dalam sesi tersebut.

Tujuan sesi ini diadakan ialah untuk memberi penerangan berkenaan manual latihan dan modul-modul berkaitan dengan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi yang telah dikemas kini dan diselaraskan sebagai standard yang akan digunakan oleh Agensi-agensi Peneraju Bersama dalam menyampaikan taklimat dan latihan khusus kepada organisasi komersial di peringkat agensi masing-masing agar mencapai matlamat inisiatif yang ditetapkan.

Pelancaran modul latihan akan diadakan pada 24 Jun 2022 yang akan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi SIRIM Berhad merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM.



# SESI SUMBANGSARAN KHAS SEMAKAN **HALA TUJU BAHARU IIM**




Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan sesi sumbangsaran (brainstorming) khas tentang semakan semula hala tuju IIM pada 5-7 April 2022. Tujuan utama sesi ini diadakan adalah sebagai platform perbincangan mengenai penyediaan dan penjajaran semula Pelan Strategik IIM 2022-2026, selaras dengan fungsi dan peranan IIM sebagai peneraju utama kepada agenda pemantapan integriti dan tadbir urus negara.

YBhg. Datuk Wan Suraya, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) IIM mengetuai sesi ini dengan kehadiran penuh dari pihak pengurusan IIM.

Dalam sesi ini juga, KPE menekankan bahawa semakan penjajaran hala tuju baharu IIM ini mesti dicorakkan mengikut dasar Kerajaan semasa dan mencapai hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berintegriti tinggi dengan rakyatnya mengamalkan etika dan integriti dalam semua aspek kehidupan.






---

# SESI DIALOG BERSAMA **PRESIDEN DAN BARISAN KEPIMPINAN TERTINGGI NGO PEMERHATI RASUAH MALAYSIA (MCW)**






Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah bersama-sama berinteraksi dalam satu Sesi Dialog bersama Presiden dan barisan kepimpinan tertinggi NGO Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) di Kompleks Belia Batu Uban, Pulai Pinang pada 27 Mei 2022.

Dalam sesi ini, beliau menyentuh secara ringkas akan fungsi dan peranan IIM dan kesediaan IIM untuk berkolaborasi bersama pemegang taruh bagi memperkukuhkan ekosistem integriti nasional. Beliau juga menjelaskan bahawa IIM akan terus memainkan peranannya sebagai peneraju agenda pembudayaan integriti negara melalui pengenalan kepada produk-produk baharu dan inovasi pada tahun ini.

# PERBINCANGAN MEJA BULAT **SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA (RTD CISM)**










Mesyuarat Perbincangan Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (RTD CISM) Bil. 1/2022 telah diadakan pada 22 April 2022 bertempat di Dewan Murni, Institut Integriti Malaysia (IIM).




Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM. Mesyuarat juga dihadiri oleh ahli-ahli RTD terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Transparency International Malaysia (TI-M), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bursa Malaysia Berhad dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Mesyuarat telah membincangkan beberapa agenda utama termasuklah pembangunan Modul CISM secara bersama oleh IIM dan semua ahli RTD. Modul ini akan ditambahbaik sebelum dilancarkan sekitar bulan Julai 2022 kelak.

# MODUL INTEGRITI **PENGUAT KUASA (MIP)**

### BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* (TOT)

Siri pertama Bengkel Training of Trainers (ToT) untuk Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) telahpun diadakan pada 22 April 2022 bertempat di Bilik Bijaksana, Institut Integriti Malaysia (IIM). Bengkel ini telah dikendalikan oleh Encik Harisham Ibrahim, Ketua Seksyen Perancangan Strategik IIM.

MIP merupakan produk inovasi yang diubah suai daripada Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan asal yang pernah dilancarkan oleh IIM pada tahun 2016. Modul MIP ini disasarkan untuk dilancarkan pada 30 Jun 2022.









Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai dan konsultan IIM. Selepas Bengkel ToT ini, IIM akan melaksanakan pula beberapa program rintis MIP mulai 26 April 2022 yang akan melibatkan pegawai penguat kuasa dari pelbagai agensi.

IIM juga akan mengadakan Bengkel Semakan Semula MIP pada 28 April 2022 yang akan melibatkan penyertaan pegawai dari Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), 21 agensi di bawah seliaannya dan beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sekitar Lembah Klang.

Semakan modul ini bertujuan untuk memperkemas dan memantapkan lagi kandungan pengisian modul supaya ianya dapat dilaksanakan kelak dengan lebih komprehensif dan berkesan dalam usaha melahirkan modal insan dalam kalangan pegawai-pegawai penguatkuasa yang mempunyai nilai integriti dan etika yang tinggi dalam negara ini.

Selain itu, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) juga akan dijemput untuk bersama-sama membantu menjayakan bengkel semakan semula MIP ini.








## PROGRAM RINTIS MODUL

Bagi menilai keberkesanan Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP), IIM juga telah menjalankan program rintis modul ini kepada Pegawai-pegawai Penguat Kuasa dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) pada 26 April 2022.

Program Rintis ini telah diadakan di Dewan Murni, Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kehadiran 27 orang pegawai-pegawai penguat kuasa SWCorp dari seluruh negara.

Program Rintis MIP ini telah disampaikan oleh En. Harisham Ibrahim, Ketua Seksyen Perancangan Strategik IIM.

Melalui program rintis ini, para peserta telah didedahkan kepada 3 Sub-modul yang mereka lalui iaitu;

i). Integriti Cerminan Diri dan Organisasi;

ii). Membetulkan Yang Biasa, Membiasakan Yang Betul; dan

iii). Menginstitusikan Integriti

## BENGKEL SEMAKAN DAN PEMURNIAN MODUL INTEGRITI PENGUAT KUASA (MIP)

Bengkel Semakan dan Pemurnian Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) pula telah diadakan pada 28 April 2022 bertempat di Dewan Murni, Menara Integriti, IIM.

Bengkel tersebut telah dilancarkan oleh YBhg Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM. Turut hadir, YBhg. Dato' Sri Azri Bin Ahmad, Pengarah, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM dan YBrs. Tuan Haji Ismail Bin Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp.

Mereka juga turut meluangkan masa untuk mendengar pembentangan dari peserta bengkel disamping menyumbangkan buah fikiran masing-masing dalam proses menambah baik MIP ini.

Bengkel Pemurnian ini melibatkan seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi penguatkuasaan di negara ini seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), RELA, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam dan lain-lain lagi. Turut hadir adalah wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juga Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).






# TAKLIMAT DAN SESI DIALOG BERSAMA **PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CEIO) DAN KETUA UNIT INTEGRITI SELURUH SARAWAK**



YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Institut Integriti Malaysia (IIM) telah memberi taklimat dan mengadakan sesi dialog dengan seramai 90 orang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dan Ketua Unit Integriti seluruh Sarawak pada 15 Jun 2022 di Kuching, Sarawak.

Antara lain, beliau telah memberi penerangan ringkas tentang program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IIM.

Selain itu, beliau menggalakkan penyertaan agensi-agensi dan anak syarikat awam Sarawak dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 anjuran IIM. Menurut beliau, AIGA2022 boleh dijadikan sebagai instrumen penanda aras bagi menguji ketersediaan pelaksanaan ekosistem Integriti setiap agensi.

Beliau turut berkongsi tentang beberapa pengalaman dan inisiatif IIM dalam usaha pemerkasaan pembudayaan dan penghayatan nilai integriti kepada pemegang taruh dalam agensi masing-masing.

Dalam kesempatan ini juga, Datuk Wan Suraya turut menjelaskan tentang mandat, peranan dan fungsi baharu IIM yang lebih memfokuskan kepada program-program advokasi dan libat urus berkaitan integriti dan tadbir urus.

Turut sama dalam sesi ini ialah YBrs. Tuan Haji Adana Bin Haji Jed, Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Negeri, Jabatan Premier Sarawak, Encik Pele Peter Tinggom, Setiausaha DUN Sarawak dan dan Puan Khartini binti Johari, Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sarawak.






# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH, **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)**




Mesyuarat Agung Tahunan Institut Integriti Malaysia (IIM) Ke-18 bagi tahun 2021 telah selesai dilaksanakan pada 13 Jun 2022. Mesyuarat secara maya ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara yang juga merangkap Pengerusi IIM.

Antara Ahli Lembaga Pengarah IIM yang turut serta dalam sesi mesyuarat kali ini ialah YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim, YBhg Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, YBhg Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Hassan, YBhg Dato' Sri Akhbar bin Abdul Sata @ Satar dan YBhg Dato' Yeow Wah Chin.Turut hadir ialah YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM.

Agenda utama mesyuarat ialah sesi pembentangan penyata kewangan IIM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 serta laporan-laporan pengarah dan Juruaudit.

Di samping itu, beberapa agenda lain turut dibincangkan terutama yang menjurus kepada pemantapan tadbir urus dan perancangan program-program utama yang akan menjadi penentu dan hala tuju baharu IIM. Seramai 23 orang Ahli IIM turut hadir dalam Mesyuarat Agung pada kali ini.

Sejurus tamat, turut diadakan pada hari yang sama adalah Mesyuarat Lembaga Pengarah, Institut Integriti Malaysia (IIM) yang kedua bagi tahun ini.

Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ini telah membincang dan memutuskan beberapa perkara dasar yang menjadi penentu hala tuju baharu IIM dalam memastikan peranannya sebagai agensi peneraju dalam membangunkan budaya integriti masyarakat Malaysia.



# SEMAI SIKAP TAKUTKAN TUHAN PULIHKAN INTEGRITI ANGGOTA PDRM

*Datuk Seri Akhbar Satar - April 14, 2022*
*bhrencana@bh.com.my*

KENYATAAN Pengarah Jabatan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Zaini Jass bahawa polis akan memperkenalkan program kembali ke pusat latihan (back to training centre) untuk pegawai dan anggota bermasalah khususnya terbabit dalam isu integriti serta moral sewajarnya diberikan pujian.

Ini kerana ia bertujuan memperkasa pegawai dan anggotanya melalui penerapan nilai murni bagi memastikan mereka tidak terbabit dalam isu integriti, selain memberi bimbingan serta sokongan kepada mereka.

Ia juga mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan menjaga imej PDRM, sekali gus memberi peluang kedua kepada mereka tersalah langkah untuk memperbaiki diri sendiri.

Hakikatnya, PDRM sering menjadi fokus perbincangan berkaitan wujudnya krisis persepsi berhubung integriti pegawai dan anggotanya.

Usaha melatih semula pegawai dan anggota bermasalah itu nawaitunya baik tetapi persoalannya bagaimana ia boleh dilakukan agar lebih berkesan dan efektif? Ramai berpendapat amalan seperti biasa, mereka akan diajar mengenai pelbagai teori dan maklumat ilmiah bagaimana mengekalkan integriti dalam pasukan polis.

Oleh itu, fokus program ini perlu menyemaikan aspek pendekatan agama the fear of God dan pendidikan moral bagi mempertingkat ketahanan serta jati diri supaya menjauhi amalan tidak bermoral dan berintegriti khususnya rasuah.

Integriti sukar diajar. Ia terpahat dalam jiwa sama ada dimiliki seseorang atau tidak.

Ada berpendapat doktrin agama juga tidak berupaya mengubah perasuah. Pembudayaan integriti diamalkan dalam diri sejak kecil hasil good parenting dan sistem persekolahan baik bagi membentuk pembangunan modal insan masyarakat bencikan rasuah. Ini disahkan teori jenayah (nature vs nurture) bahawa faktor persekitaran lebih mempengaruhi tingkah laku atau akhlak perasuah daripada keturunan.

Kredibiliti, pengalaman dan kepakaran tenaga pengajar juga perlu diberi keutamaan supaya ia lebih memberi impak positif kepada peserta kursus.

Fasih dalam undang-undang kepolisan, mahir ilmu psikologi dan bertindak secara profesional apabila berdepan dengan masyarakat kompleks adalah penting.

Dalam ilmu kriminologi, terdapat bimbingan cara tindakan seseorang pegawai polis ketika berada dalam sesuatu situasi tertentu. Sudah sampai masanya pengambilan pegawai polis memerlukan individu mempunyai ilmu dalam bidang berkaitan.

Untuk kelestarian, apabila tamatnya kursus pegawai atasan juga hendaklah menunjukkan contoh baik dan menjalankan tanggungjawab pengawasan kepada pegawai bawahan. Kepemimpinan melalui teladan patut ditonjolkan dan bukan sekadar cakap kosong.

Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam menjadi inti pati kepada istilah integriti serta etika yang patut ada kepada pegawai dan anggota polis. Tingginya budi pekerti dan bergerak berlandaskan prinsip berfokuskan integriti dapat tingkatkan prestasi, produktiviti serta mampu meyakinkan rakyat terhadap kewibawaannya dalam proses penyampaian perkhidmatan.

Dengan kata lain, integriti dan etika dalam pekerjaan serta organisasi bukan sekadar pembabitan individu untuk menyediakan keperluan diri sahaja, sebaliknya membabitkan tindakan baik dilakukan dalam kerja dan semua ini mempunyai kaitan rapat dengan ajaran agama dan tanggungjawab sebagai manusia.

Dalam organisasi besar seperti PDRM, sudah tentu terdapat segelintir pegawai dan anggota bermasalah dari segi integriti serta moral.

Mengikut mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, hanya satu peratus daripada kira-kira 100,000 anggota PDRM terbabit gejala rasuah.

Namun, semakin ramai jumlah anggota, kebarangkalian menimbulkan masalah tetap ada. Apa dikesalkan, masyarakat tetap menganggap gejala ini seperti sinonim dengan pasukan polis. Ia tidak adil kepada pegawai dan anggota yang bekerja keras, mengekalkan integriti demi kesejahteraan dan keselamatan negara.

Maklumat ini disahkan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, Datuk Azri Ahmad, yang gigih memperjuangkan isu integriti PDRM, bahawa 1,571 pegawai dan anggota polis dikenakan tindakan tatatertib sepanjang 2021.

Antara kesalahan integriti dilakukan adalah tidak mengisytiharkan harta, mengunjungi pusat hiburan, berkahwin tanpa kebenaran, enggan menerima laporan dan meminta imbuhan.

Selain itu, terdapat juga 23 pegawai dan anggota polis direkodkan terbabit kesalahan jenayah; rasuah (18); dadah (84) dan syariah (48).

Adalah baik jika PDRM melaksanakan tapisan keutuhan dan keselamatan rapi terutama semasa pengambilan pegawai pegawai kanan dan untuk mengisi jawatan berisiko tinggi.

Di Amerika Syarikat (AS), ujian poligraf dilaksanakan dalam pengambilan pegawai polis, tentera, Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Pentadbiran Penguatkuasaan Dadah (DEA). Amalan itu turut dibuat di Singapura membabitkan polis, tentera, Biro Penyiasatan Amalan Rasuah, Kementerian Sumber Manusia serta pejabat pendakwa raya.

Untuk kelestarian mengekalkan integriti, mereka menjalankan ujian poligraf secara rawak dan impaknya sangat memberangsangkan.

Selain itu, isu integriti turut dipastikan dengan meletakkan ketua polis daerah (OCPD) dan ketua polis balai (OCS) berintegriti tinggi tetapi berkhidmat tidak lebih tiga tahun. Mereka bertanggungjawab ke atas kelakuan pegawai bawahannya yang sengaja melakukan penyelewengan serta aktiviti melanggar undang-undang di kawasan jagaannya.

Kerajaan pula sewajarnya mempertimbangkan isu berhubung gaji dan perihal anggota pangkat rendah. Kenaikan gaji anggota rendah dapat membantu mengurangkan isu integriti kerana terdapat perbezaan besar antara pendapatan mereka.

Adalah baik jika peruntukan lebih diberikan kepada PDRM, terutama untuk penyelenggaraan balai polis dan kuarters serta pembinaan kuarters baharu, selain menjaga kebajikan pegawai dan anggotanya.

Penjagaan kebajikan juga boleh membantu mereka mengelak daripada terjebak dalam aktiviti tidak beretika. Di Hong Kong dan Singapura, selain gaji lumayan, kerajaan memberi keistimewaan serta diskaun kepada pegawai polis termasuk dalam pembelian rumah.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sendiri pernah menyatakan apabila nilai integriti rapuh, ditambah dengan ruang dan peluang mendapat habuan lumayan daripada pihak berkaitan, maka kecenderungan untuk terjerumus dalam rasuah adalah besar.

Diharapkan latihan semula pegawai dan anggota dapat memperkasa integriti PDRM, sekali gus meningkatkan imej, prestasi serta kepercayaan orang ramai. Usaha bersungguh dan baik patut diberi pujian serta sokongan sepenuhnya.

*Ahli Lembaga Pengarah*
*Institut Integriti Malaysia (IIM)*

*Sumber: Berita Harian*

# PRODUK DAN PERKHIDMATAN **IIM**


















# SESI KHIDMAT NASIHAT / KONSULTASI PRODUK DAN PERKHIDMATAN OLEH **IIM**

## APRIL 2022

| Bengkel Pengurusan | | |
|---|---|---|
| No. | Program | Tarikh |
| 1 | Bengkel Kajian Semula Pengurusan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) | 6 hingga 7 April 2022 |
| 2 | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) – Bengkel ABMS (Documentation Review & Finalization) | 6 hingga 7 April 2022 |
| 3 | Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang – Bengkel OACP (Perancangan Senario) | 6 hingga 7 April 2022 |
| 4 | Istana Budaya – Bengkel OACP (Perancangan Senario) | 6 hingga 8 April 2022 |
| 5 | Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) – Bengkel OACP (Taklimat) | 7 April 2022 |
| 6 | Kursus Pengurusan dan Penyediaan Bahan Promosi dan Publisiti di Media Massa dan Media Sosial | 8 April 2022 |
| 7 | Emaskang – Bengkel ABMS (Gap Analysis) | 11 hingga 12 April 2022 |
| 8 | Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) – Bengkel ABMS (Kick off Meeting) | 12 April 2022 |
| 9 | Institut Koperasi Malaysia (IKMa) – Bengkel OACP (Pemurnian) | 12-13 April 2022 |
| 10 | Product Awareness Session Internal Audit Training | 13 April 2022 |
| 11 | Product Awareness Session OACP Hybrid | 14 April 2022 |
| 12 | Bengkel OACP (Pemurnian) untuk Impact Integrated | 18 April 2022 |
| 13 | Bengkel Analisis Data dan Penilaian Risiko Malaysian Timber Council (MTC) | 20-22 April 2022 |
| 14 | Bengkel Analisis Data & Penilaian Risiko bagi Majlis Bandaraya Seremban (MBS) | 20-22 April 2022 |
| 15 | Siri pertama Bengkel Training of Trainers untuk Modul Integriti Penguatkuasa (MIP) | 22 April 2022 |
| 16 | Corruption Risk Assessment (CRA) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) untuk Malaysia Steel Institute. | 22 April 2022 |
| 17 | Sesi Train-of-Trainer (TOT) kepada jurulatih (trainer) dilantik mewakili Agensi-agensi Peneraju Bersama bagi Inisiatif 6.2.4 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) | 25 April 2022 |
| 18 | Program rintis modul kepada Pegawai-pegawai Penguat Kuasa dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) | 26 April 2022 |
| 19 | Bengkel Pelan Tindakan Pembangunan OACP Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) | 25-26 April 2022 |
| 20 | Bengkel Semakan dan Pemurnian Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) | 28 April 2022 |
| 21 | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) – Bengkel CRA OACP (Perancangan Senario) | 28-29 April 2022 |

## MEI 2022

| Bengkel Pengurusan | | |
|---|---|---|
| No. | Program | Tarikh |
| 1 | Emaskang – Bengkel ABMS (ABMS Interpretation) | 9-10 Mei 2022 |
| 2 | INSKEN – Bengkel OACP (CRA & Analisa Data) | 10-11 Mei 2022 |
| 3 | Bengkel ISO 9001:2015 Establish and Controlling Documented Information | 12 Mei 2022 |
| 4 | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) – Bengkel ABMS (Internal Audit Training & Mock Auditing) | 12-13 Mei 2022 |
| 5 | Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) – Bengkel CRA OACP (CRA & Analisa Data) | 17 Mei 2022 |
| 6 | Emaskang – Bengkel ABMS (CRA) | 17-19 Mei 2022 |
| 7 | Istana Budaya – Bengkel OACP (Pemurnian) | 19-20 Mei 2022 |
| 8 | Program Pengukuhan Integriti “Rules of Law” | 24 Mei 2022 |
| 9 | Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) – Bengkel ABMS (Management Review) | 24 Mei 2022 |
| 10 | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) – Bengkel OACP (Pelan Tindakan) | 24-25 Mei 2022 |
| 11 | Sesi Bengkel OACP Majlis Bandaraya Seremban (MBS) | 30-31 Mei 2022 |
| 12 | Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) – Bengkel ABMS (Gap Analysis) | 30-31 Mei 2022 |
| 13 | Bengkel Brand & Market Awareness | 31 Mei 2022 |
| 14 | Emaskang – Bengkel ABMS (ABMS Documentation Development) | 30-1 Jun 2022 |
| 15 | OACP CRA product presentation bersama Jabatan Warisan Negara | 31 Mei 2022 |

# GALERI / SESI LIBAT URUS IIM / KUNJUNGAN HORMAT

### KUNJUNGAN HORMAT IIM KE ATAS YBRS. DR. MOHAMAD KAMAL HARUN, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG) PADA 11 MEI 2022




YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah membuat kunjungan hormat ke atas YBrs. Dr. Mohamad Kamal Harun, Ketua Pegawai Eksekutif, Razak School of Government (RSOG) di Cyberjaya pada 11 Mei 2022.

Pelbagai agenda dibincangkan dalam usaha mewujudkan kerjasama melalui program-program yang menjurus kepada pemantapan nilai-nilai kepimpinan individu dan penerapan budaya integriti yang tinggi dalam kalangan penjawat awam dan sektor swasta khususnya serta perkongsian sumber yang dapat memberikan manfaat kepada IIM dan RSOG. Turut serta dalam sesi ini ialah beberapa orang pegawai kanan IIM dan RSOG.





---

### PERBINCANGAN KERJASAMA IIM DAN KELAB RAKAN INTEGRITI MAHASISWA (RIM) UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)




Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Wan Suraya telah mengadakan perjumpaan dengan YBrs. Prof Dr. Rusli Ahmad, Penasihat kepada Kelab Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 14 Jun 2022.

Antara lain, perbincangan menjurus kepada pengaktifan dan penglibatan gerakan RIM di UNIMAS dengan beberapa program teras IIM di Sarawak.

### KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PERBADANAN HARTA INTELEK (MYIPO) PADA 24 MEI 2022




YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat dari YBrs. Tuan Abdul Haris Bin Haji Lakar, Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) pada 24 Mei 2022.

Delegasi MyIPO turut disertai oleh beberapa orang pegawai kanannya iaitu En. Azrul Shahreen bin Abdul Aziz (Bhg. Undang-undang), En. Abdul Manap Bin Ali (Ketua Audit Dalam) dan En. Mohd Nor Hafiz Bin Abd. Munir (Ketua Bahagian Integriti).

IIM dan MyIPO telah membincangkan beberapa cadangan kerjasama termasuk menawarkan kepakaran IIM untuk membantu meningkatkan tahap integriti dan governans pegawai-pegawai MyIPO yang bertugas di seluruh negara. IIM juga sedang mengkaji keperluan mendaftar produk-produknya terus dengan MyIPO bagi perlindungan harta intelek.





---

### KUNJUNGAN HORMAT DARI DELEGASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS RAJA MELEWAR, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PADA 26 MEI 2022



YBhg Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat delegasi Institut Pendidikan Guru, Kampus Raja Melewar, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 26 Mei 2022.

Delegasi 24 orang pegawai dan pensyarah IPG diketuai oleh YBrs. Dr. Mazlan bin Aris, Pengarah IPG Raja Melewar.

Perbincangan menjurus kepada kerjasama Konsultasi Pembangunan Pelan AntiRasuah IPG, pelaksanaan Penilaian Integriti individu IIM dan program latihan kepada pensyarah dan mahasiswa IPG Raja Melewar.

Kerjasama dua hala juga akan diperkukuh dalam ekosistem tadbir urus IPG ke arah mendukung integriti, ketelusan dan keberkesanan organisasi.





IIM turut diwakili oleh Tuan Haji Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan (Operasi) IIM, Pn Farah Idayu Jaafar, Ketua Seksyen Sistem Pengurusan Integriti IIM, En Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Pemasaran dan Jualan IIM dan En Fison Hamdi Ahmad, Ketua Seksyen Advokasi dan Libat Urus IIM.

---



## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YB DATO' DR. AHMAD JAILANI BIN MOHAMMED YUNUS, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG PADA 27 MEI 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah mengadakan lawatan kerja libat urus dan kunjungan hormat ke atas YB Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Mohammed Yunus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam perbincangan yang diadakan, pihak IIM telah berkongsi mengenai penganjuran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 Peringkat Kebangsaan dan menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat MNC, PLC, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Pulau Pinang.

---

## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA) PADA 27 MEI 2022

IIM telah mengadakan perbincangan perancangan strategik dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk membantu dalam usaha memperkukuhkan ekosistem integriti NCIA melalui perkhidmatan konsultasi pembangunan Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) dan lain-lain program advokasi dan latihan yang berkaitan.



Kata sepakat ini telah tercapai semasa kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dengan Ketua Eksekutif NCIA, Encik Mohamad Haris Kader Sultan pada 27 Mei 2022 di Pulau Pinang. Cadangan jalinan kerjasama ini akan diperincikan di peringkat tindakan seterusnya.












## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR DI KOTA ISKANDAR, ISKANDAR PUTERI PADA 29 MEI 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah mengadakan lawatan kerja dan kunjungan hormat ke atas Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada 29 Mei 2022 di Kota Iskandar, Iskandar Puteri.

Delegasi IIM telah disambut oleh YBrs. Pn. Hajah Shubanah Binti Yusuf, Timbalan SUK Johor (Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat) dan En. Mohd Fahrul Khalid, Ketua Unit Integriti Pejabat SUK Johor.

Perbincangan yang diadakan antara lain menjurus kepada kerjasama penganjuran Anugerah Integriti, Governans dan AntiRasuah (AIGA) 2022 di peringkat negeri Johor pada tahun ini. Turut dibincangkan ialah cadangan perkongsian kepakaran IIM dalam membantu pihak SUK melalui program latihan dan advokasi dengan Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (Akademi JCS).

Beberapa mesyuarat susulan akan diadakan bagi memperhalusi cadangan kerjasama IIM dengan SUK Johor dalam memastikan Integriti menjadi asas dan teras pembangunan masyarakat Malaysia.

Pegawai-pegawai kanan IIM seterusnya menghadiri Majlis Jalinan Ukhwah SPRM Johor sempena aidilfitri 2022 yang diadakan di Kompleks Pejabat SPRM, Persiapan Tanjung, Johor.

### KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHG. TAN SRI MOHD. SIDEK HJ. HASSAN, PENGERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) PADA 30 MEI 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd. Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) di Putrajaya pada 30 Mei 2022.

Kunjungan hormat ini antara lain bagi memberi maklum balas terkini kepada pihak SIAP mengenai cadangan halatuju baharu IIM sebagai peneraju agenda integriti nasional.

SIAP mempunyai 21 agensi penguatkuasaan di bawah pengawasannya. Sehubungan itu, IIM telah menggalakkan penyertaan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan SIAP untuk menggunapakai Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) yang sedang dimuktamadkan untuk pelancaran pada akhir bulan Jun 2022. Modul ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan nilai integriti dalam kalangan pegawai penguatkuasa di negara ini.

Turut hadir dalam perbincangan ini adalah Pn. Norhayati Binti Ahmad, Setiausaha SIAP. Manakala delegasi IIM turut disertai oleh Tn. Hj. Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan, Bahagian Operasi dan Encik Harisham Ibrahim, Ketua Seksyen Perancangan Strategik.









---




### LAWATAN KERJA DARIPADA YBHG. DATO' ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN, TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI), JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima lawatan kerja daripada YBhg. Dato' Zainal Azman bin Abu Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 22 April 2022.

Delegasi ini juga turut disertai oleh YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, Institut Tadbiran Awam (INTAN) dan barisan pegawai pengurusan tertinggi INTAN dan juga JPA.

IIM dan JPA akan mengadakan kerjasama pintar dalam memperkasa integriti dalam kalangan penjawat awam dari peringkat sokongan sehinggalah ke pengurusan tertinggi.

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*